

# Bestari

EDITOR BERSEKUTU (RENCANA): HUSAIN JAHIT

TEL : 1-300-22-6787 SAMB: 4791

FAKS : 03-20567083/7084

## EDUTOURISM UA

Fazurawati Che Lah

fazurawati@hmetro.com.my

**Sektor pelancongan pendidikan (edutourism) menjadi antara tarikan ditawarkan universiti yang menjanjikan pelbagai pengalaman menarik kepada pengunjung.**

Sejak diperkenalkan pada 2015, permintaan tinggi terhadap sektor itu turut mendorong universiti menawarkan pelbagai pakej menarik menggabungkan pengalaman akademik dan santai.

Dalam usaha memperkenalkan Malaysia di mata dunia, Kementerian Pendidikan Tinggi dengan kerjasama Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Tourism Malaysia melancarkan Malaysia 101 Edu-tourism Packages bagi program itu.

Setakat ini, sembilan universiti awam (UA) menawarkan 149 pakej pelancongan pendidikan melalui kerjasama bersama 20 agensi pelancongan berdaftar.

&gt; 4&amp;5



## SPECTRUM 2017 KETENGAH BAKAT SISWA

Seramai 14 penuntut semester akhir Academy of Applied and Visual Arts (AAVA) dari Kolej Universiti Linton dan Institut Jati (naungan KTG Education Group) menganjurkan pameran Spectrum 2017 di Publika, Solaris Dutamas, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Pameran yang berlangsung selama tiga hari itu menjadi platform kepada graduan bidang kreatif baru mempamerkan hasil karya mereka.

Karya yang ketengahkan adalah daripada beberapa kategori berbeza iaitu reka bentuk media, grafik, fotografi dan animasi.

Graduan yang terbabit mempamerkan hasil kerja seni adalah dari kursus Diploma Grafik (12 orang) dan kursus Ijazah Sarjana Muda Seni Rekabentuk Media Teknologi (dua orang).

&gt; 6

# GABUNG PENGALAMAN AKADEMIK, SANTAI

Tawar  
pelbagai  
pakej menarik  
bersesuaian  
kekuatan  
setiap  
universiti

## FOKUS

### DARI MUKA 1

Universiti yang menawarkan 101 Paket Edutourism ini termasuk Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Malaysia Perlis (UNiMAP), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM).

Pelancongan pendidikan merujuk kepada lawatan sambil belajar ke universiti atau institusi pendidikan bagi mempelajari dan menikmati suasana kampus termasuk meninjau kemudahan prasarana, lokasi menarik dan mencabar di samping menimba pengetahuan serta kemahiran di universiti yang dikunjungi.

Menyasarkan pelbagai kelompok pengunjung termasuk pelajar

sekolah, orang dewasa, pelancang tempatan dan luar negara, pakej pelancongan pendidikan boleh dilaksanakan secara bebas atau formal dengan menawarkan pelbagai pakej menarik bersesuaian dengan kekuatan universiti masing-masing.

Program itu juga sekali gus dilihat membantu pihak UA untuk menjana pendapatan sendiri melalui hasil tarikan pelancongan yang disediakan.

Terbaru UPM bersama beberapa Operator Pelancongan bertukar Memorandum Persefahaman bagi program pelancongan pendidikan dikenali eDU-PARK.

Program eDU-PARK yang diperkenalkan UPM sejak 2013 menjana pendapatan sebanyak RM279,000 dengan jumlah pelawat kira-kira 70,000 orang.

Timbalan Pengarah Bahagian eDU-PARK, Putra Science Park, UPM Prof Dr Faridah Qamaruz Zaman berkata, eDU-PARK mempunyai



1



2



3

peranan penting untuk menjerayawarkan kepakaran, teknologi dan inovasi UPM kepada masyarakat.


Katanya, terdapat lapan lokasi di dalam program pembelajaran secara pengalaman di dalam kampus UA itu.

Antara lokasi yang ditawarkan ialah Galeri Serdang, Fakulti Rekabentuk dan Senibina,



**V**Di bawah program eDU-PARK, masyarakat umum sama ada di dalam atau luar negara mempunyai peluang untuk meneroka dunia akademik dan menimba pengetahuan dari pakar pelancongan pendidikan melalui aktiviti interaktif yang ditawarkan

**DR FARIDAH**



4



5

## INFO PAKEJ EDUTORISM

### UITM

- Makmal Kecerdasan
- Jelajah Hari Kawalan Minda
- Kelas Masakan Warisan Melayu
- Teknologi Nano
- Sehari Sebagai Pengurus Hotel
- Sehari Sebagai Masterchef
- Perjalanan Checkpoint My Lab Kanak-kanak
- Sehari Sebagai Profesor
- Seni Batik
- Berbasikal ke Alam Semula Jadi

### UPM


- Veterinar Kecil Pintar
- Profesor Kecil Pintar
- Minion Hours
- Malam di Muzium Warisan Melayu
- Muzium Anatomi Manusia
- Muzium Anatomi Haiwan
- Malam di Muzium
- Trip Ladang
- Pusat Ekuin
- Dunia Mamia
- Tarian Kebudayaan 1Malaysia + Muzium Warisan Melayu

### USM

- Natural Wonders -Peralor Orient
- Step back in time
- Muzium & Galeri Universiti Tertua di Malaysia
- Satu Malam di Muzium
- Program Saintis Masa Depan

### UKM

- Tasik Chini
- Pusat Penyelidikan Tasik Chini Oleh UKM
- Makmal Hidrologi & Climatologi
- Galeri PPTC -Bilik Peperangan
- Makmal (Blok Mikrobiologi & Blok Kualiti Air)
- Pusat Konservasi Ikan Grafik -lapan lokasi eDU-PARK UPM



Muzium Warisan Melayu, Fakulti Bahasa Modern dan Komunikasi; Taman Konservatori, Institut Biosains; Muzium Anatomi Manusia, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan; Muzium Anatomi Haiwan, Fakulti Perubatan Veterinar; Ladang Tenuusu Putra, Ladang Rusa dan Pusat Ekuin (Taman Pertanian Universiti).

“Di bawah program eDU-PARK, masyarakat umum sama ada di dalam atau luar negara mempunyai peluang untuk meneroka dunia akademik dan menimba pengetahuan dari pakar pelancongan pendidikan melalui aktiviti interaktif yang ditawarkan.

“Usaha ini adalah salah satu inisiatif UPM untuk berkongsi kepakaran dan fasiliti di samping mempromosikan teknologi dan inovasi UPM di peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta menyumbang kepada pencapaian matlamat UPM iaitu melonjak perkhidmatan jaringan industri dan masyarakat,” katanya.

Katanya, dengan tagline Play, Learn and



Stay Young, program eDU-PARK menerapkan elemen pengalaman secara pembelajaran yang pelawat berpeluang mengendalikan aktiviti secara ‘hands-on’ dan berinteraksi terus dengan pakar UPM.

Katanya program eDU-PARK yang ditawarkan menjadi kesinambungan kepada pembelajaran formal di sekolah kerana ilmu yang dipelajari boleh didapati dengan kepakaran universiti.

Jelas Dr Faridah, pihaknya kini berusaha membangunkan eDU-PARK 2.0 membabitkan lima lagi lokasi yang berpotensi menarik lebih ramai pengunjung akan disenaraikan.

Katanya, lokasi yang dicadangkan adalah Petting Zoo, Muzium Patologi Manusia, Kem Pertanian, Makmal Transgenik dan kelas memasak di L'Apprenti.

1 PENGUNJUNG berpeluang merasai sendiri hasil tanaman yang ada.

2 GEMBIRA diberi peluang memberi susu kepada lembu.

3 PENGUNJUNG berpeluang menunggang kuda.

4 PELBAGAI maklumat mengenai badan manusia turut dipamerkan.

5 KANAK-KANAK berpeluang mendapat maklumat daripada pihak universiti.

6 SEBAHAGIAN rusa yang terdapat di Ladang Rusa.

7 PENGUNJUNG tidak melepas peluang memberi susu kepada rusa.

8 TERNAKAN lembu di Taman Pertanian Universiti.

9 LALUAN Taman Pertanian Universiti yang mendamaikan.

